

AKHBAR : UTUSAN MALAYSIA

MUKA SURAT : 7

RUANGAN : DALAM NEGERI

Utusan Malaysia m/s 7 D/Negeri 28/6/2025 (Sabtu)

KKM diminta beri penjelasan berhubung kekurangan doktor di HKL

Oleh NURUL IRDINA SUMALI
irdina.sumali@mediamulia.com.my

PETALING JAYA: Kementerian Kesihatan (KKM) digesa tampil memberi penjelasan berhubung isu kekurangan doktor di Hospital Kuala Lumpur (HKL) yang tular di media sosial sejak kelmarin.

Presiden Persatuan Perubatan Malaysia (MMA), Datuk Dr. Kalwinder Singh Khaira berkata, masalah kekurangan doktor di hospital kerajaan bukan perkara baharu malah telah lama dibangkitkan pihaknya kepada kerajaan.

"Memang wujud cabaran kekurangan tenaga kerja di fasiliti kesihatan awam di seluruh negara, terutama di hospital-hospital besar yang berdepan jumlah pesakit yang tinggi seperti HKL.

"Keadaan ini menyebabkan masa menunggu pesakit menjadi lebih lama untuk menda-



KALWINDER SINGH KHAIRA

patkan rawatan doktor atau pakar, sekali gus memberi tekanan besar kepada petugas kesihatan yang sedia ada," katanya ketika dihubungi *Utusan Malaysia* semalam.

Kelmarin, tular di media sosial apabila seorang wanita berkongsi pengalaman terpaksa menunggu lebih enam

jam sebelum mendapatkan rawatan di Klinik Ortopedik HKL.

Wanita itu turut mendakwa, seorang doktor memaklumkan kelewatan tersebut berlaku berikutan ramai doktor telah berhenti atau meninggalkan perkhidmatan kerajaan.

Mengulas lanjut, Dr. Kalwinder berkata, MMA telah beberapa kali menyuarakan kebimbangan berhubung isu itu dan berharap pihak kementerian tidak memandang ringan perkara berkenaan.

Katanya, pengukuhan tenaga kerja dalam sektor kesihatan awam perlu menjadi keutamaan kerajaan bagi memastikan mutu perkhidmatan kesihatan tidak terus merosot.

"Kami berharap KKM terus memberikan perhatian serius dalam usaha memperkukuhkan tenaga kerja kesihatan awam.

"Langkah ini penting bukan

sahaja untuk mengurangkan beban tugas doktor dan kakitangan hospital, tetapi juga untuk memastikan rakyat mendapat rawatan yang berkualiti dalam masa yang sewajarnya," katanya.

Tambahnya, pihak MMA juga sentiasa bersedia untuk bekerjasama dengan kerajaan dalam mencari penyelesaian jangka panjang termasuk aspek penempatan, kebajikan dan laluan kerjaya yang lebih jelas kepada doktor.

"Kerajaan juga perlu segera mempertimbangkan penambahbaikan skim perkhidmatan dan ganjaran bagi mengurangkan penghijrahan doktor ke sektor swasta mahupun ke luar negara.

"Jika isu ini tidak ditangani dengan segera dan menyeluruh, ia boleh memberi kesan besar kepada keseluruhan sistem kesihatan awam dalam jangka masa panjang," katanya.

AKHBAR : THE STAR

MUKA SURAT : 8

RUANGAN : NATION

The Star M/s 8 Nation 28/6/2025 (Sabtu)

Medical specialist training gets legal clarity on July 1

By RAGANANTHINI VETHASALAM
and RAHIMY RAHIM
newsdesk@thestar.com.my

PETALING JAYA: There will be greater structure, transparency and legal clarity of both streams of specialist training – the Parallel Pathway and local Master's programmes – once the amendments to the Medical Act come into effect next month, says the Malaysian Medical Association (MMA).

Its president Datuk Dr Kalwinder Singh Khaira expressed his appreciation for the Health Ministry's commitment in strengthening the specialist medical training framework.

"We commend the ministry's clear and timely action in fulfilling its promise to implement the amended Medical Act without undue delay," he said in a statement yesterday.

The association also thanked the ministry's Medical Development Division in making the initiative possible.

"The work that has gone into

"The new framework rightly aims to standardise training quality, ensure adequate case exposure and improve supervisor-trainee ratios."

Dr Sean Thum

realising these regulatory changes is testament to their professionalism and dedication.

"It also reflects the urgent need to expand access to high-quality specialist training in order to meet the growing demands of our healthcare system, while maintaining patient safety and the highest standards in medical practice," Dr Kalwinder added.

MMA, he said, looks forward to continued engagement with the ministry and all relevant stakeholders to ensure the implementation of these amendments will be smooth, fair and in the best

interest of the people.

Dr RA Lingeshwaran lauded the Health Ministry's move, saying that many participants of the parallel pathway programme were appreciative of the effort.

"I believe they are all very positive that the amendments finally addressed their concerns," said the senator, who is a former Sungai Bakap hospital director.

Independent health advocate Dr Sean Thum said most feedback from trainees and junior doctors was not solely about the amendments to the Medical Act, but about the structural bottleneck

that persists before doctors can even enter specialist training programmes.

"Previously, any eligible doctor could enrol in the parallel pathway programme such as those offered by Royal Colleges abroad.

"The new framework rightly aims to standardise training quality, ensure adequate case exposure and improve supervisor-trainee ratios.

"From a public health perspective, this is a positive move towards safeguarding patient care standards," he said.

The amendments to the Medical Act, which aim to resolve the issue of parallel pathway programmes and streamline the recognition of qualifications and specialised training, will come into effect on July 1.

In announcing this, Health Minister Datuk Seri Dr Dzulkefly Ahmad said he had signed the order to enforce the amendments to the Act, which will be resubmitted to the Attorney General's Chambers for gazettelement.

AKHBAR : BERITA HARIAN

MUKA SURAT : 16

RUANGAN : NASIONAL

BH m/s 16 Nasional 28/6/2025 (Sabtu)

APHM kumpul maklumat sokong inisiatif kerajaan

Data perbelanjaan perkhidmatan dan perubatan diteliti bantu rangka skim insuran asas

Oleh Zanariah Abd Mutalib dan Saadiah Ismail
bhnews@bh.com.my

Kuala Lumpur: Persatuan Hospital Swasta Malaysia (APHM) sedang menyediakan data berkaitan, termasuk dari segi perbelanjaan perkhidmatan dan perubatan, susulan cadangan kerajaan untuk memperkenalkan skim insurans asas bagi mengurangkan kesan inflasi kos perubatan.

Presidennya, Datuk Dr Kuljit Singh, berkata data berkenaan akan dibawa ke mesyuarat Jawatankuasa Bersama Peringkat Menteri untuk Kos Penjagaan Kesihatan Swasta (JBMKKS) yang akan menyelaras pendekatan menyeluruh untuk merangka dan melaksanakan langkah kolaboratif yang sejajar dengan penjagaan kesihatan berasaskan nilai.

Beliau berkata, APMH yang turut menganggotai Majlis Perundingan di bawah JBMKKS juga sedang mendapatkan maklum balas industri berhubung cadangan inisiatif berkenaan yang dikenali sebagai RESET.

"APHM mengambil maklum dan menyokong matlamat kerajaan untuk menangani inflasi kos perubatan di Malaysia. Pada masa ini, inisiatif RESET masih berada pada peringkat awalan. Bagaimanapun, APMH sedang membuat persediaan menyumbang data dan pandangan industri pada mesyuarat Majlis Perundingan yang akan diadakan," katanya kepada BH, semalam.

Sebelum ini, Menteri Kewangan II, Datuk Seri Amir Hamzah

Skim insurans asas diperkenalkan



Keratan akhbar BH semalam.

Azizan, memaklumkan kerajaan sedang mempertimbang langkah untuk memperkenalkan skim insurans asas bagi mengurangkan kesan inflasi kos perubatan yang membimbangkan rakyat.

Beliau dilaporkan berkata, cadangan penubuhan skim berkenaan masih dalam peringkat perbincangan bagi memastikan pelaksanaannya memberikan manfaat dan tidak membebankan mana-mana pihak.

Sebelum ini, Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr Dzulkefly Ahmad, berkata kerangka RESET itu turut merangkumi usaha Kementerian Kesihatan (KKM) yang sedang dan akan dilaksanakan untuk memperkukuh sistem penjagaan kesihatan Malaysia untuk semua.

Mengulas lanjut, Dr Kuljit berkata, JBMKKS yang akan memantau inisiatif RESET adalah suatu platform efektif bagi menangani isu kos perubatan menyeluruh melalui gabungan kepakaran pihak berkepentingan.

Pelbagai faktor perlu diteliti

Sementara itu, Pengerusi Pertubuhan Ikatan Komuniti Selamat, Tan Sri Lee Lam Thye, berkata kerajaan perlu mengambil kira beberapa faktor sebelum melaksanakan pelan insurans kesihatan asas bagi memastikan matlamat mengurangkan beban kos rawatan dan perlindungan kewangan rakyat dapat dipenuhi.

Beliau berkata, kejayaan pelan itu bergantung kepada ketelusan, pelaksanaan yang cekap dan pendekatan inklusif bagi menjamin

pembiayaan kesihatan yang mampan dan memperluas lagi akses kepada rawatan berkualiti.

Katanya, faktor mampu milik dan mudah diakses dengan kadar caruman berpatutan, terutama bagi golongan berpendapatan rendah atau B40 mestilah diutamakan.

"Kita sedia maklum bahawa kos rawatan kesihatan semakin meningkat dari tahun ke tahun, menyukarkan rakyat berpendapatan rendah mendapatkan rawatan untuk penyakit kronik, kecemasan dan perkhidmatan kesihatan pencegahan.

"Selain itu, perlindungan asas yang menyeluruh merangkumi rawatan pesakit luar, rawatan kecemasan, saringan kesihatan dan pengurusan penyakit kronik juga perlu dimasukkan. Pelan itu juga mestilah mudah difahami dan tidak dibebankan dengan kerenah birokrasi supaya rakyat tidak keliru atau terhalang untuk mendaftar," katanya, semalam.

Lam Thye berkata, bantuan subsidi juga perlu disediakan kepada golongan yang manggugur, warga emas, orang kurang upaya (OKU) serta mereka dalam kategori B40.

"Pada masa sama, pemantauan dan kawal selia yang berkesan perlu diwujudkan bagi memastikan ketelusan, integriti serta kualiti perkhidmatan kesihatan terjamin.

"Selain itu, usaha mendidik dan memberi kesedaran kepada orang ramai mengenai kepentingan dan manfaat pelan ini juga amat penting bagi membina keyakinan serta pembabit rakyat secara menyeluruh.

"Kami mengalu-alukan langkah kerajaan ini dan berharap pelan insurans kesihatan asas ini akan dirangka dengan teliti dan berpaksikan keperluan rakyat, bukan sekadar dasar, tetapi satu pelaburan untuk masa depan negara yang lebih sihat, sejahtera dan berdaya tahan," katanya.

APHM sedang membuat persediaan untuk menyumbang data dan pandangan industri pada mesyuarat Majlis Perundingan yang akan diadakan

Dr Kuljit Singh, Presiden Persatuan Hospital Swasta Malaysia



Kerajaan perlu mengambil kira beberapa faktor sebelum melaksanakan pelan insurans kesihatan asas bagi memastikan matlamat mengurangkan beban kos rawatan dan perlindungan kewangan rakyat dapat dipenuhi



Lee Lam Thye, Pengerusi Pertubuhan Ikatan Komuniti Selamat

AKHBAR : BERITA HARIAN
MUKA SURAT : 16
RUANGAN : NASIONAL

BH M/S 16 Nasional 28/6/2025 (Sabtu)

Skim insurans asas wajar tumpu penyakit kritikal

Kuala Lumpur: Kerajaan disaran membangunkan skim insurans asas berasaskan model sedia ada dari negara lain yang terbukti berjaya di pasaran bagi memastikan perlindungan kesihatan yang ditawarkan benar-benar memberi manfaat kepada rakyat.

Penganalisis Ekonomi dari Fakulti Ekonomi, Perniagaan dan Perakaunan i-CATS University College, Prof Datuk Dr Sha-

zali Abu Mansor, berkata skim yang bakal diperkenalkan itu wajar memberi tumpuan kepada penyakit kritikal yang memerlukan rawatan segera dan berisiko mengancam nyawa.

"Jika skim ini hanya meliputi perlindungan asas seperti rawatan ringan atau ubat-ubatan yang boleh diperolehi di farmasi, maka keberkesanannya adalah terhad. Sebaliknya, fokus perlu diberi kepada penyakit serius

seperti kanser dan sakit jantung," katanya kepada BH.

Beliau berkata, aspek penetapan harga juga perlu mengambilkira faktor usia dan kemampuan kewangan individu bagi memastikan ia bersifat inklusif.

"Bagi golongan berkemampuan, mereka boleh menyumbang dengan membayar premium sekitar RM100 hingga RM150 sebulan, manakala golongan kurang mampu boleh dibantu me-

lalui skim bantuan kerajaan seperti bantuan Rahmah," katanya.

Beliau berkata, pendekatan ini bukan sahaja dapat membantu akses kepada rawatan di hospital swasta, malah berpotensi mengurangkan beban kewangan dan tekanan kerja di hospital kerajaan.

"Apabila lebih ramai pesakit memilih untuk mendapatkan rawatan di hospital swasta melalui

skim ini, kerajaan dapat menjimatkan kos rawatan kesihatan awam dan doktor di hospital kerajaan juga dapat memberi tumpuan lebih baik kepada kes yang memerlukan," jelasnya.

Tambah beliau, adalah wajar bagi kerajaan turut mengawal caj rawatan di hospital swasta agar tidak membebankan pesakit dan selari dengan semangat skim insurans asas yang ingin dilaksanakan.